KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	10/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM			

Diwartakan sebagai kawasan simpanan hijau ibu negara kelmarin

HS Sungai Besi *green lung* baharu KL

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

PUTRAJAYA – Kerajaan semalam memaklumkan telah mewartakan Hutan Simpan (HS) Sungai Besi sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) baharu mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 melibatkan kawasan seluas 23.83 hektar di Mukim Petaling, Kuala Lumpur.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, hutan itu diwartakan kelmarin melalui Warta Kerajaan Persekutuan.

Katanya, kawasan itu merupakan jenis hutan dipterokarpa tanah pamah yang menggantikan kawasan Hutan Simpan Bukit Sungei Puteh, Mukim Cheras yang mempunyai kawasan seluas 7.48 hektar.

"HS Sungei Puteh diwarta keluar bagi pembangunan Lebuh Raya Sungai Besi-Ulu Kelang semalam (kelmarin).



HUTAN Simpan Sungai Besi menjadi *green lung* baharu Kuala Lumpur apabila diwartakan sebagai HSK kelmarin.

"HS Sungai Besi akan dijadikan untuk tujuan penyelidikan, hutan lipur dan hutan pelajaran mengikut Subseksyen 10(1) dan diisytiharkan sebagai 'hutan tertutup' di bawah Seksyen 45 Akta 313," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, HSK di Wilayah Persekutuan terletak di bawah bidang kuasa Menteri Tenaga dan Sumber Asli selaras dengan Seksyen 2 dan 114 (Jadual Kelima) Akta 313.

Menurut Takiyuddin, pengurusan HSK di Wilayah Persekutuan dilaksanakan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, sebelum pewartaan itu, HSK di Kuala Lumpur adalah seluas 68.27 hektar iaitu 0.28 peratus daripada keluasan tanah Wilayah Persekutuan yang meliputi HS Bukit Nanas (9.37 hektar), HS Bukit Sungei Puteh (14.51), HS Sungai Besi (42.29) dan HS Bukit Lagong Tambahan (2.10).

"Keluasan HS Sungai Besi (Tambahan) adalah lebih besar daripada HS Bukit Sungei Puteh yang diwarta keluar," katanya.

Ujar Takiyuddin, penggantian HSK meningkatkan kawasan hutan kepada 0.35 peratus daripada keluasan tanah Kuala Lumpur.

"Pewartaan ini juga mewujudkan kompleks HS Sungai Besi-HS Sungai Besi (Tambahan) seluas 66.12 hektar, mewakili 78.13 peratus daripada keseluruhan kawasan HSK di Kuala Lumpur yang berperanan sebagai *green lung* baharu bagi Bandar Raya Kuala Lumpur," katanya.

Takiyuddin berkata, proses pewartaan keluar dan penggantian HSK secara serentak yang berlaku itu adalah selaras dengan hasrat dan cadangan pindaan Akta 313 yang sedang diusahakan Kerajaan Persekutuan.

Katanya, proses itu juga merupakan manifestasi komitmen kerajaan untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan tanah negara sebagai kawasan berhutan.

HS Sungai Besi sering menjadi kawasan tumpuan orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah dan mendaki.